

Belia sekarang mesti berani buat perubahan

Lepasan IPT lebih rela menganggur daripada berusaha terokai peluang bekerja sendiri

BH = 15/5/2006

Tema hari belia tahun ini 'Belia Bina Bangsa, Belia Wawasan, Belia Malaysia' agak lain sikit. Agak panjang sikit, boleh Datuk terangkan apa signifikan di sebaliknya tema itu

Sebenarnya sambutan hari tahun ini agak berbeza disebabkan visi dan misi Perdana Menteri terutama sekali apa yang disebutkan dalam Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9). Perdana Menteri pun baru-baru ini di Jamaica dan banyak negara lain juga banyak bercakap mengenai modal insan.

Dalam semua perbincangan dengan pemimpin dunia, ramai bersetuju bahawa antara cabaran masa depan ialah isu modal insan. Saya melihat fokus Perdana Menteri dalam RMK-9 begitu menepati apa yang sangat-sangat ditunggu oleh generasi belia di negara kita.

Perdana Menteri dalam RMK-9 memberi penumpuan besar bukan saja kepada aspek pendidikan atau ilmu tetapi juga aspek menjana ekonomi. Ini selaras dengan apa yang disebut beliau, kita melihat apa yang penting pada sambutan Hari Belia ini ialah satu perubahan paradigma, fokus kepada belia itu sendiri iaitu apa peranan belia.

Kita melihat yang penting bagi belia ialah tanggungjawabnya yang pertama iaitu tanggungjawab pada dirinya, sebab itu kita bercakap mengenai belia bina bangsa. Dia bertanggungjawab membina bangsanya. Selepas membina bangsa, bina diri dia.

Tanggungjawab kedua, kepada keluarganya. Saya tidak pernah melihat belia berbeza dengan keluarga mereka. Kita tidak boleh melihat belia sebagai entiti yang jauh. Bagi saya belia ada peranan dalam masyarakatnya kerana tenaga, aspirasi yang dia ada. Paling saya nampak ialah semangat mereka yang sentiasa dapat dipengaruhi banyak faktor.

Itu sebab dalam apa cita-cita aspirasi belia, perkataan wawasan itu penting, sebab itu kita pakai belia wawasan, bina diri bina bangsa selepas itu bina wawasan atau mana nak pergi, jadi dia jadi belia wawasan. Paling akhir, paling penting sama ada dia bina wawasan ke, bina bangsa ke, dia adalah seorang belia Malaysia.

Sebab itu tema hari belia adalah tiga peringkat iaitu belia bina bangsa, belia berwawasan dan belia Malaysia.

Bagaimana Datuk melihat belia kita hari ini

Kita tidak boleh melihat belia hanya sebagai pengikut saja. Suruh duduk, dia duduk, suruh berdiri, dia berdiri. Saya tengok belia hari ini cukup jemu kalau mereka diarah. Peringkat persekolahan dari Tahun Satu hingga Tingkatan Lima, fokus kepada belajar untuk lulus peperiksaan, selepas itu masuk universiti fokus hendak lulus peperiksaan lagi, lepas keluar universiti fokusnya hendak mencari kerja. Bila tidak dapat cari kerja atau tidak dapat kerja yang dia hendak, dia tidak mahu bekerja. Dia hendak pakai tali leher, duduk bilik hawa dingin. Sebab itu kita ada 59,000 graduan universiti yang tidak bekerja.

Bagi saya, dalam aspek ini banyak sangat pengharapan pada belia dan apa yang kita cuba lakukan tahun ini dalam RMK-9 cuba membina belia kepada perubahan paradigma iaitu belia memulakan perubahan dalam diri dulu. Itulah harapan yang hendak dibuat oleh Kementerian.

Apakah harapan Datuk dengan pelaksanaan Akta Belia tahun ini

Bagi Kementerian dengan adanya Akta Belia tahun ini, kita dapat membuat satu pendekatan dan hala tuju belia yang mempunyai lebih fokus. Sebab kalau hendak cakap mengenai belia, belia saya berpecah, daripada graduan bukan graduan, bandar luar bandar, persatuan belia bukan persatuan belia, rakan muda dan bukan rakan muda. Bila bercakap mengenai dimensi belia, sentiasa berpecah banyak peringkat.

Contohnya, kawasan hitam putih kelabu, kawasan hitam belia yang banyak isu dadah. Kawasan kelabu dalam masyarakat, kita tengok belia yang menganggur, belia yang senang ditarik pada isu negatif. Kalau putih itu belia yang sempurna, masuk universiti masuk Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Bagi saya, cabaran yang kita hadapi dalam Kementerian ini ialah belia itu sendiri. Apa yang belia itu hendak, jadi kita harap dengan tema hari belia ini, kita dapat membawa mereka kepada fokus antara Kementerian, jabatan, persatuan belia dan belia itu sendiri.

Macam Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kata pada ulang tahun Umno baru-baru ini, 'kegagalan bukan satu pilihan'. Tanggungjawab kita ialah kejayaan, itu saja! Kita tidak akan bercakap mengenai memilih kejayaan ataupun kegagalan.

Mesej yang disebut Perdana Menteri banyak menyentuh kedudukan belia hari ini sebagai masyarakat 50 peratus daripada komuniti. Kalau kita ambil bawah 40 tahun, kita ada 11 juta daripada 25 juta masyarakat Malaysia. Kerana itulah tema Hari Belia fokus pada belia itu sendiri.

Kita sudah lihat pelbagai perancangan untuk belia. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) pun sudah ada Pelan Tindakan Belia Nasional yang menggariskan 11 teras menyentuh pelbagai soal belia. Kini sudah masuk RMK-9, Adakah Datuk berpuas hati dengan prestasi dan pencapaian belia itu sendiri setakat ini

Hendak jawab soalan itu kita kelan sentuh aspek kejayaan dan kegagalan. Kalau aspek kejayaan saya cukup puas hati. Contohnya, kita ada belia angkasawan, peguam, doktor jurutera. Kalau kita tengok ucapan Pak Lah pada ulang tahun Umno itulah kejayaan belia Melayu, Pak Lah yang berjaya.

Hari ini pun, tuan, saya adalah pelajar universiti yang menjadi graduan dan bekerja. Saya tengok inilah kejayaan. Pegawai polis ke, tentera ke, doktor ke, jurutera yang berjaya, mereka dari umur belia. Kalau kita hendak tengok belia bawah 40 tahun, saya melihat kejayaan yang cukup banyak. Itu kalau tengok pada yang berjaya, tapi kalau kita tengok yang tidak berjaya kita marah kerana masalah dadah. Jadi ukuran nombor satu kita dalam belia yang tidak berjaya adalah aspek dadah.

Tetapi kalau kita bandingkan jumlah penagih dadah belia dengan jumlah belia yang berjaya menjadi profesional, nisbahnya begitu berbeza, begitu tinggi lebih kepada kejayaan daripada kegagalan. Apabila orang bercakap mengenai dadah, bagi saya seperti juga kita bercakap mengenai Islam kenapa dalam al-Quran, Allah cakap mengenai dosa besar mengenai zina, mengenai arak. Adakah itu bererti Islam itu gagal? Bila kita bercakap mengenai belia yang negatif adakah belia kita gagal. Saya tidak melihat itu sebagai satu kegagalan.

Jadi bagaimana Datuk melihat isu dadah ini

Saya melihat isu dadah sebagai isu peringatan kepada belia, jangan terjebak dengan dadah sebab dadah itu bahaya. Sebelah kaki dalam dadah dia hendak keluar susah banyak pengaruh daripada kawan. Cuba sikit, lama-lama ketagih, ilmu dan pesanan keluarga diketepikan. Kekuatan dadah, cakap macam mana pun susah hendak ubah ketagihan.

Tapi tidak semestinya bila bercakap isu dadah, orang kata kita retorik, tapi saya dimaklumkan agensi dadah di kawasan tertinggi jumlahnya menurun. Menjadi isu sekarang ialah kes pengurangan penagihan dadah.

Itu sebabnya apabila orang cakap belia kita berjaya atau tidak berjaya-isunya yang tidak berjaya ialah belia yang tidak bekerja. Isu pengangguran iaitu 59,000 belia yang graduan menganggur. Ini golongan yang bijak pandai. Bila hendak masuk universiti berebut, menangi, bergaduh-gaduh, ahli politik kena marah.

Sekarang sudah keluar keputusan. Saya rasa minggu depan saya pun peninglah (sambil ketawa), banyak yang tidak puas hati, semua tidak puas hati, sudah masuk hendak pindah, sudah pindah hendak masuk fakulti lain dan sudahlah tu, hendak pindah dekat dengan rumah. Macam-macam tidak puas hati ibu bapa. Itulah orang sayang anak (ketawa).

Tapi maksud saya, kegagalan bukan pada isu dadah tetapi isu pekerjaan, ekonomi. Apakah kerana itu tidak cukup pekerjaan atau kedua kerana dia tidak mahu jadi usahawan... tak nak kerja sendiri ataupun ketiga, enggan berhijrah ke luar negara.

Pak Lah cakap pada saya, dia tidak faham, kita ambil pekerja Indonesia, Bangladesh, India, tapi apa kita tengok kerja yang mereka buat sebenarnya kita boleh buat, sektor perkilangan banyak pekerjaannya Indonesia, anak Melayu kita lebih suka duduk kat rumah lepas daripada jadi pekerja elektronik...contohnya di Pulau Pinang dan Sungai Way. Adakah kerana mereka memilih? Saya dimaklumkan hospital swasta banyak kakitangan dari Filipina, Thailand jadi jururawat dari luar. Pembantu rumah jaga anak kita, banyak kes anak hilang bila baca surat khabar jadi kes Indon...Indon... saya tak faham (gelengkan kepala), kenapa anak kita tak boleh kerja jadi orang jaga rumah?

Sebenarnya saya melihat masyarakat kalau anak kerja kilang malu, jadi orang gaji tak nak. Sedangkan, di luar negara masa saya belajar dulu banyak pelajar universiti kerja 'despatch', kerja di restoran. Tapi di Malaysia, di restoran Jepun pun orang Bangia yang kerja. Adakah kerana tiada pekerjaan atau memilih pekerjaan?

GLC yang dulu bergerak dalam sistem terbuka kini membuat penyusunan semula. Jadi Kementerian dan agensi yang berkaitan mesti beri ilmu. Apa yang kita nak buat ialah pengenalan kepada perniagaan. Saya baru-baru ini bercakap dengan Profesor Ungku Aziz dan dia setuju nak kerjasama dengan Kementerian. Dalam aspek usahawan beliau ada ke-kuasaan buku langkah menjadi usahawan. Beliau setuju belia kita mesti ada cita rasa untuk bekerja sendiri.



"Kita melihat yang penting bagi belia ialah tanggungjawabnya yang pertama iaitu tanggungjawab pada dirinya, sebab itu kita bercakap mengenai belia bina bangsa. Dia bertanggungjawab membina bangsanya. Selepas membina bangsa, bina diri dia"

Jadi, apa yang menjadi cemas bagi Kementerian ialah isu pekerjaan. Kalau 59,000 tidak bekerja setiap tahun yang masuk universiti 200,000 lebih keluar Tingkatan Lima 400,000 lebih. Masuk universiti separuh, yang tak masuk separuh, yang lebih pergi ke mana? Saya tidak yakin yang 200,000 yang lebih ini kalau masuk kolej komuniti ke, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) ke, Giat Mara. Saya tidak yakin yang 200,000 lebih itu ada pekerjaan hari ini, banyak syarikat Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) beri VSS kepada pekerja berpengalaman. Kalau saya majikan saya nak ambil pekerja berpengalaman daripada ambil graduan yang hidung masih basah atau *wet nose* kata orang putih.

Apakah Datuk terhadap pembabitan belia dengan program dianjur Kementerian

Saya percaya Kementerian yang berkaitan memberikan banyak kemudahan tapi ramai tidak ambil peluang. Tapi ketika saya berjalan ke negeri-negeri, saya ada jumpa ramai belia yang nak buat program pertanian, ada tunjuk kertas kerja nak buat macam-macam, ada belia yang buat.

Kementerian ada menyediakan kursus kemahiran setakat mana pencapaian mereka

Semua yang belajar bawah kita, 98 peratus dapat pekerjaan tiada yang tidak dapat kerja. Cuma masalah kita bukan program atau kursus, masalah kita tempat kita kecil. Yang pohon IKBN setahun 27,000, yang dapat terima 5,000 saja, betullah dia masuk program usahawan lain tapi kita sudah cakap dengan Kementerian Kewangan yang setuju dalam RMK-9 nak perluas program usahawan supaya kita bagi dia peluang boleh belajar ilmu keusahawan dan kemahiran.

Saya tengok macam mana pun Kementerian nak laksana, pemilihan pelajar mesti ada kelulusan tertentu. Seperti Giat Mara tidak semesti kerana kita belia umur 18 tahun nak belajar, semua orang kita boleh terima sedangkan tempat terhad.

Adakah ini bermakna perancangan kerajaan tidak mencapai sasaran

Tidak boleh salahkan kerajaan dan kita tidak boleh salahkan orang muda. Yang penting, belia mesti diberi pendedahan kepada ciri-ciri keusahawanan. Saya tengok keusahawanan adalah jalan terbaik untuk mengatasi masalah ini. Maksud saya ialah kita sebagai masyarakat Malaysia kita harus menerima hakikat bahawa pekerjaan daripada syarikat swasta dan kerajaan tidak akan ada lagi.

GLC yang dulu bergerak dalam sistem terbuka kini membuat penyusunan semula. Jadi Kementerian dan agensi yang berkaitan mesti beri ilmu. Apa yang kita nak buat ialah pengenalan kepada perniagaan. Saya baru-baru ini bercakap dengan Profesor Ungku Aziz dan dia setuju nak kerjasama dengan Kementerian. Dalam aspek usahawan beliau ada ke-kuasaan buku langkah menjadi usahawan. Beliau setuju belia kita mesti ada cita rasa untuk bekerja sendiri.

Kedua, belia kita banyak memilih pekerjaan, pilih pembinaan. Bagi dia kerja senang, dapat duit, kemudian dapat untung pergi kepada pembinaan lain. Kalau kita tengok ucapan Perdana Menteri sebelum dua lalu, beliau berkata kerajaan tidak mahu fokus pada pembinaan seperti dalam RMK-8. Kerajaan sudah kurangkan. Jadi peluang belia berkhidmat dalam industri perkhidmatan. Ini satu peluang besar. Kita lebih pada perkhidmatan.

Contohnya, saya dimaklumkan pramugara dan pramugari Penerbangan Malaysia (MAS) ramai ditawarkan oleh Qatar Airlines. Saya lihat perkhidmatan kabin krew kita yang terbaik di dunia, mereka dapat anugerah terbaik. Kelembutan yang ada dengan kita ialah kekuatan, kita amat bagus dalam hospitaliti. Maksud saya industri pelancongan. Saya dimaklumkan Sukan Olimpik di Beijing, China kekurangan *front desk* dan pekerja dalam bidang ini yang boleh berbahasa Inggeris. Belia kita ada kemahiran bercakap...melayan. Itu satu industri kalau belia kita nak berhijrah keluar. Tapi bila kita cakap berhijrah, respons pertama mereka tidak akan keluar dari Malaysia.

Program belia banyak bابتan Melayu tapi penyertaan bukan Melayu kurang, ada pendapat Datuk

Kita tidak ada polisi begitu. Program kita tidak anti perpaduan tetapi saya teruja dengan Akta Belia secara tidak langsung membantu persatuan belia dan bukan persatuan belia untuk melihat balik pada tanggungjawab dan peranan mereka. Lebih mudah dan lebih jelas dengan akta itu, Akta Pendaftaran dan Pembangunan Belia yang masih di peringkat Peguam Negara.

Apakah ini berkaitan dengan sikap

Saya pergi luar negara, saya tengok sikap belia di luar negara berbeza. Mereka mendapat pendedahan kepada kepemimpinan pada umur muda. Banyak definisi persatuan belia bawah 25 tahun. Kita bawah 40. Mungkin itulah sebab sikap mereka lebih proaktif, boleh menghadapi kegagalan.

Saya tengok belia yang tidak dapat masuk universiti antara mangsa pertama ialah parti politik sebab mak bapa mengemukakan kepada wakil rakyat kenapa anak dia tak dapat masuk

universiti, terutama sekali anak yang lulus cemerlang, dia cukup marah. Banyak nak masukkan anak ke universiti ialah mak bapa. Bila anak keluar universiti yang cari pekerjaan pun mak bapa... telefon kroni... telefon kawan buat ini dan itu minta diambil anak dia, budak itu tidak diberi kebebasan.

Dia tak nak belajar contohnya sains sukan tapi nak masuk universiti orang kampung ketakutan, jadi dia terimalah. Fakulti yang dia tak minat. Masuk sains sukan gagal, kedua kalau lulus pun tak minat. Bila keluar tak nak kerja sains sukan. Dia tak kerja, mak dia marah, bapa tak suka... tunang dia marah, berpelelah budak itu... (ketawa).

Antara masalah saya tengok ialah kita kadang-kadang tidak mahu beri belia kita kebebasan memilih dan berfikir.

Saya tengok remaja kita, mereka banyak bercerita bila pegawai saya tidak ada. Itu sebab saya maklum pegawai pakai baju macam ini bila hari Selasa. Ini bila pegawai belia dok pakai tali leher 'Versace', takut pula belia nak bercakap. Menteri Belia dok pakai 'handbag Louis Vuitton'. Belia lain sikit, jadi bila kita lepak, sebab itu kita buat rakan muda.

Saya juga tegur pegawai saya di jabatan. Pegawai saya pun yang jaga belia tidak umur belia. Itu masalah, macam mana kita nak berkomunikasi dengan orang muda. Takkan kita nak kata buat program bagi dia nasihat dan kita cakap dalam aspek orang yang berpangkat 'uncle' dan 'auntie'. Bila saya pergi persatuan belia, presiden atau ketua pergerakan belia di kampung semua budak-budak panggil uncle, pakcik.

Jadi ketua gerakan belia tu pak cik pada adik-adik. Bagi saya mungkin itu yang buat belia tak berani berusaha sebab keadaan persekitaran yang dikawal.

Apakah pendekatan baru Kementerian untuk meningkatkan program Rakan Muda

Kita sedang berusaha mendapatkan lebih ramai pegawai bawah 40 tahun menyertai Rakan Muda. Kedua, wujudkan penggerak Rakan Muda di kawasan parlimen, kabinet sudah lulus. Kita sedar pegawai belia tidak cukup untuk pusing kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, jadi kita wujudkan secara kontrak penggerak Rakan Muda bawah 25 tahun.

Objektif kita untuk dapatkan orang muda bercakap dengan orang muda untuk suraikan aspirasi kerajaan tapi memang saya dapat kritikan orang politik yang tak setuju umur rakan muda 25 saja. Mereka kata patut lebih 25 tahun, 30 tahun ke bawah sebab mereka kata pegawai kontrak bawah 25 tak ramai secara tidak langsung tak yakin bagi orang muda bawah 25.

Tapi saya yakin mereka boleh pikul tanggungjawab. Sebab itu dalam aspek Rakan Muda kita wujudkan penggerak Rakan Muda sebagai pendekatan meremajakan pelaksanaan program kerajaan. Ahli Parlimen membantu Kementerian lantik mereka bawah Kementerian. Kita latih macam-macam kerja dia buat... dia bercakap untuk kita dan Alhamdulillah saya dapat banyak maklum balas daripada wakil rakyat mereka gembira kerana ada orang tengah umur belia bercakap dengan belia.

Mungkin kempen anti dadah dipertingkatkan

Sebenarnya isu dadah ini tanggungjawab agensi anti dadah kebangsaan dan yang mengendalikannya Pemadam...Pengasih kerana mereka pada aspek pemulihan. Bagi Kementerian kita hanya bertanggungjawab dalam aspek kesedaran. Kita tidak boleh buat pemulihan. Kita tidak ada kemahiran, kemampuan dan kepakaran. Jadi bila kes dadah berlaku dan mereka dalam umur belia banyak yang melenting kata Kementerian Belia gagal, saya kalau boleh kalau nak memperkasakan hala tuju Kementerian, saya setuju agensi anti dadah bawa masuk bawah Kementerian Belia. Sebab fokus kumpulan adalah belia dan agensi anti dadah bersama belia. Tapi agensi anti dadah

"Itu sebabnya apabila orang cakap belia kita berjaya atau tidak berjaya - isunya ialah belia yang tidak bekerja. Isu pengangguran iaitu 59,000 belia graduan menganggur"

dah bawah Kementerian dalam negeri tidak dalam isu belia Kementerian sentiasa terbuka dan kerjasama dengan semua pihak.

Pada hari ini Kementerian memang dalam jawatankuasa Kabinet antidadah yang dipengerusikan Perdana Menteri dengan semua Kementerian yang relevan. Kami bantu wujudkan kesedaran bukan pemulihan. Dalam program kesedaran ini Kementerian guna ikon muda berikan nasihat pada belia.

Kalau guna polis, pegawai Pemadam bercakap lebih kepada autoritarian, sebab itu Kementerian lihat ini satu pendekatan yang memerhatikan belia. Itu sebab kita guna ikon muda, baru-baru ini ada belia kita dapat, yang menjadi Duta Komanwel, iaitu Hafizi dari Pengasih. Kita lihat pendekatan Hafizi satu pendekatan yang baik sebab dia bercakap dalam bahasa belia. Sebagai seorang bekas penagih dia memaklumkan kepada belia bahayanya penagihan dan apa yang terjadi kepada dia dan dia tidak mahu terjadi kepada belia lain.

Saya rasa ini lebih kepada aspek belia bina bangsa. Dia bertanggungjawab kepada belia itu sendiri dan bagi saya sudah tentu Agensi Anti Dadah dan Pemadam bertanggungjawab pada pemulihan.

Bagaimana Kementerian hendak menggalakkan bukan Melayu menyertai program belia

Kita galakkan. Timbalan saya Ketua Pemuda MCA. Setiausaha Parlimen saya Ketua Pemuda MIC. Mereka dapatkan dana untuk program dalam komuniti mereka. Kami tidak diskriminasi semua kumpulan bawah kita.

Datuk ada mengatakan semua kategori anugerah Belia Negara akan disampaikan kepada mereka di bawah umur 40 tahun. Apa tujuan yang ingin dicapai melalui langkah ini

Kita bercakap mengenai Akta Belia, kita di Kementerian yakin orang bawah 40 tahun ada kemampuan. Jadi kita mesti mulakan. Tapi ramai yang tidak setuju. Saya balik kawasan di Pengerang pun ramai pemimpin belia pada peringkat luar bandar tidak bersetuju, kata tak boleh... patut buka pada yang sudah berjaya. Bagi saya kami di Kementerian sudah bercakap sama juga dengan isu akta, pada mulanya ramai yang tidak bersetuju tapi Perdana Menteri sebagai pemimpin negara bercakap belia harus dipimpin oleh belia. Jadi sebab itu kalau nak bercakap anugerah belia mereka yang menang mesti bawah 40 tahun.

Lepas ini tidak ada belia purba

Saya tidak setuju dengan ayat itu. Kita tidak boleh bersikap tidak adil pada yang tua. Dia sayang pada gerakan belia. Kelebihan dia nak berkhidmat sebab sayang pada gerakan belia. Itu semangat kental yang harus ditonjol belia, kita tidak menolok mereka tetapi panggil mereka sebagai pakar rujuk, penasihat. Sebab itu wujud dalam akta ada semua peringkat umur, ada Majlis Perundingan Belia Negara, kemudian negeri, daerah yang kita buka pada mereka yang sudah menabur bakti.

Mereka boleh mainkan peranan sebagai abang atau kakak pada persatuan belia. Contohnya, dalam pergerakan politik kenapa lepas umur tertentu awak meninggalkan kepemimpinan? Saya keluar Puteri sebab saya yakin semua dalam Puteri boleh memimpin sama ada dia memimpin betul ke salah ke dia boleh memimpin.

Itu yang saya tidak faham tapi kita macam seolah-olah tidak boleh. Kita mesti terbuka. Dalam aspek pergerakan belia kita mesti melatih membina dan membimbing. Saya tidak yakin kalau orang kata tak ada orang bawah 40 boleh memimpin, saya yakin ramai dan kita kena bagi dia peluang.

Apakah istimewanya Hari Belia tahun ini berbanding tahun sebelumnya

Kita gabungkan empat bahagian dalam Kementerian, sukan, rakan muda, kemahiran dan belia. Dulu belia saja. Bagi saya, sambutan Hari Belia untuk mereka bawah umur 40 tahun, jadi kita babitkan diri dengan banyak industri termasuk media. Kita terima hakikat agensi komunikasi iaitu iklan, surat khabar dan televisyen adalah badan paling dekat dengan belia.

Kita dalam jabatan tidak boleh berjaya kalau agensi komunikasi tidak membantu. Kita melihat anda sebagai rakan kongsi kerana belia rapat dengan sistem komunikasi. Kita bekerjasama dengan anda. Itu yang bezanya.

Akhir sekali, apa mesej Datuk kepada belia

Mesej saya kalau tidak hari ini, bila lagi? Kalau tidak kita, siapa lagi?